

30/10/2004

Dr Mahathir sedih kematian 84 penduduk Islam

LANGKAWI: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, melahirkan kesedihannya dengan kematian 84 penduduk Islam di Selatan Thailand yang ditahan selepas mengadakan demonstrasi di Tak Bai, Narathiwat, Isnin lalu.

Sambil menyifatkan tragedi itu mengundang kemarahan umat Islam seluruh dunia, beliau berkata, pendekatan kekerasan yang digunakan pasukan keselamatan Thailand memburukkan lagi keadaan di wilayah berkenaan.

"Kita berasa cukup sedih kerana nampak orang Islam selalu ditimpa petaka. Oleh itu, kita perlu mencari jalan untuk mengelakkan kejadian itu daripada terus berulang kepada umat Islam, bukan saja di Thailand, tetapi juga di seluruh dunia.

"Nasib mereka (mangsa tragedi Thailand) menjadi buruk bukan cara dikehendaki agama Islam," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan kunci Masjid Jamik Al-Qadim, Kampung Ulu Melaka, di sini malam kelmarin.

Hadir sama, isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan negeri, Nawawi Ahmad; Ahli Parlimen Langkawi, Datuk Abu Bakar Taib dan Ahli Dewan Undangan Negeri Ayer Hangat, Datuk Md Hasan Bulat.

Terdahulu, berucap pada majlis itu, Mahathir berkata, masyarakat Islam tidak harus bertelingkah mengenai soal remeh, sebaliknya menumpukan usaha ke arah memperkukuhkan perpaduan dan ekonomi ummah.

"Umat Islam juga perlu bersyukur kerana semakin ramai tokoh korporat tampil memberi sumbangan untuk pembinaan masjid dan menubuhkan tabung kebajikan demi meneruskan perjuangan dan memantapkan kedudukan Islam di negara ini," katanya.

Sementara itu, Masjid Jamik Al-Qadim, masjid tertua di pulau ini siap diubah suai dalam tempoh lapan bulan dengan kos kira-kira RM4 juta sumbangan Pengerusi Eksekutif Maju Holdings Sdn Bhd (Maju Holdings), Tan Sri Abu Sahid Mohamed.

(END)